

bah

Mahathir - Hutan 3 London (sambungan)

Mengulas mengenai persidangan Kuala Lumpur, Bradshaw berkata +Dr Mahathir telah diberikan gambaran sokongan politik yang aktif terhadap kes yang beliau mahu Selatan kemukakan di Rio, malah dari negara-negara yang kurang agresif seperti Brazil.+

Mengulas mengenai ucapan Dr Mahathir, seorang peserta dari Barbados, Mark Griffith, yang ditemuramah semasa persidangan berhenti rehat berkata, +Inilah jenis ucapan yang patut diberikan oleh pemimpin Dunia Ketiga. Dan saya fikir beliau telah banyak berusaha untuk mengukuhkan kedudukan negara Selatan yang harus dilakukan pada masa ini.+

Di Sarawak, krew Panaroma itu melawat dua kawasan Penan, satu kawasan penempatan semula manakala satu lagi di pinggir hutan.

Seorang anggota kaum Penan di kawasan penempatan semula berkata mereka lebih suka dengan cara hidup sekarang daripada menjalani hidup berpindah-randah manakala seorang ketua kampung kaum Penan di kawasan pinggir hutan pula berkata beliau lebih bergembira sekiranya para pemimpin dunia yang bersidang di Rio dapat menghentikan pembalakan di kawasan mereka.

Ketika ditanya mengenai pendapatnya mengenai kempen Utara untuk menyelamatkan kaum Penan, Dr Mahathir berkata Utara seharusnya menjaga rumah tangga mereka sendiri dan berbuat sesuatu untuk menghentikan rakyatnya yang tidur di Hyde Park dan sesetengah penduduk kulit hitam daripada terus ditindas.-- Lagi

02/06/21-01MST

bah

Mahathir - Hutan 4 (Akhir) London

Ketika menjawab pertanyaan Bradshaw sama ada usaha menggunakan isu alam sekitar untuk menyelamatkan kaum Penan sebagai satu bentuk baru penjajahan, Dr Mahathir berkata +Ya, ianya sama memandangkan timbulnya minat secara mendadak mengenai hak asasi manusia, soal demokrasi dan sebagainya - satu minat untuk mengajar orang yang mundur tentang cara-cara terbaik untuk hidup+.

Dr Mahathir, menampelak negara-negara Utara dengan berkata +oleh kerana kebanyakan negara yang akan menghadiri persidangan mengenai hutan itu tidak mempunyai hutan, negara-negara itu akan bercakap mengenai hutan negara-negara membangun dan bukan hutan mereka.

+Ia membuang masa kami,+ katanya.

Bradshaw: +Baik, ia mungkin membuang masa negara membangun tetapi masa depan Bumi kini berada dalam bahaya, bukankah begitu?+

Dr Mahathir: +Masa depan Bumi berada dalam bahaya tetapi kami tidak seharusnya dipertanggungjawabkan+.-- Bernama